

18/12/1997

Kelantan, Pulau Pinang cipta kemenangan pertama

Hussain Said

KELANTAN seperti diduga mencatat kemenangan mudah apabila menewaskan Pahang 4-1 dalam saingan Kumpulan C Kejohanan Bawah 18 Piala Milo di Pusat Latihan Polis (Pulapol), semalam.

Bagaimanapun, pemenang tempat ketiga tahun lalu itu, terpaksa menyaingi kehebatan jirannya terutama dalam separuh masa biarpun mendahului lawan menerusi jaringan Wan Mohd Azmi Wan Mamat Ali pada minit ke-23.

Selang seminit selepas itu, Khairan Eroza Razali menjarakkan kedudukan kepada 2-0 tetapi Hazeri Hafeeza Hamzah berjaya menyemarakkan semangat pemain Pahang dengan merapatkan jurang kepada 2-1, selang tiga minit sebelum tamat separuh masa.

Bagaimanapun, Pahang terpaksa akur apabila Khairan Eroza dan Mohd Admi Ismail kembali meletakan Kelantan dalam kedudukan selesa apabila masing-masing menjaringkan gol pada minit ke-62 dan 76.

Sementara itu, Terengganu turut mencatat kemenangan apabila mereka menewaskan Johor 7-4.

Sobri Sulong membuka tirai jaringan pada minit kesembilan dan ke-65 sebelum Suhardi Che Aziz (m-15), Hairudin Omar (m-20 dan 44), Alfian Aziz (m-51) dan Ahmad Rizal Abdul Aziz melengkapkan kemenangan besar Terengganu dengan jaringan pada minit ke-76.

Manakala gol-gol Johor disumbangkan oleh Hishamudin Mohamed pada minit ke-67, Faizal Annuar Abdul Manaf (m-73) dan Eddy Helmi Abdul Manan (m-78 dan 82).

Sementara itu, Angkatan Tentera Malaysia yang mara ke separuh akhir tahun lalu, terpaksa akur apabila tewas 0-5 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Azrine Affendy Saoduddin muncul wira apabila mencipta hattrick pada minit ke-28, 44 (penalti) dan 67 manakala dua gol disempurnakan oleh Fazwadi Haliah (m-55) dan Mohd Faibzuwandy Ibrahim, tiga minit sebelum tamat.

Pulau Pinang turut membuka kempen dengan nota cemerlang apabila membenamkan cabaran Sarawak 3-1.

Mahathir Mohd Jamal Mohd membuka tirai dan melengkapkan kemenangan Pulau Pinang dengan jaringan pada minit ke-28 dan 61 manakala satu gol lagi dijaringkan Muhammad Azani Ahmad Zabidi (m-60).

Gol saguhati Sarawak dijaringkan oleh Abang Mohd Zaafari Abang Othman pada minit ke-61.